



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

**MAKLUMBALAS BERKAITAN PENULARAN DI MEDIA SOSIAL
TERMASUK APLIKASI *WHATSAPP* BERKENAAN KES PENEMUAN
TULANG KHINZIR DI KOLAM IKAN PATIN DAERAH BATU GAJAH,
PERAK**

1. Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan siasatan terhadap isu ini dan mendapati bahawa ianya adalah isu terdahulu pada tahun 2014.
2. Pihak jabatan telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu ini dan premis tersebut telah pun ditutup.
3. Hasil siasatan terkini, pihak jabatan mendapati premis tersebut tidak beroperasi dan tiada aktiviti dijalankan di kawasan tersebut.
4. Jabatan Perikanan Malaysia akan terus komited menjalankan pemantauan aktiviti ternakan ikan di Negeri Perak bagi memastikan pengeluaran ikan tempatan mematuhi piawaian keselamatan makanan Negara, termasuk program pemantauan DNA Khinzir oleh Unit Biosekuriti, Jabatan Perikanan Negeri Perak.

###

Kenyataan Media ini disiarkan oleh:-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

17 Julai 2018 (Selasa) jam 10.00 pagi